

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, October 15, 2019 2:37 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: JKKN-UUM Martabat Mek Mulong Warisan Kesenian Negeri Kedah



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

15 OKTOBER 2019 / 16 SAFAR 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Faizul Awang

Gambar oleh: PBS

JKKN-UUM MARTABAT MEK MULONG WARISAN KESENIAN NEGERI KEDAH



UUM ONLINE: Mek Mulong merupakan antara warisan kesenian terkenal negeri Kedah yang menggabungkan lakonan, nyanyian, tarian dan alunan muzik daripada alat seperti semborong, gong, serunai dan cerek dalam satu persembahan.

Kini, hanya segelintir pewaris dari Mukim Wang Tepus, Jitra yang masih aktif meneruskan persembahan Mek Mulong, sekali gus memperjuangkan warisan kesenian itu.

Justeru, dalam usaha memartabatkan warisan ini, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Negeri Kedah dengan kerjasama Pusat Budaya dan Seni (PBS) UUM telah mengadakan program 1IPT 1Produk yang mana Mek Mulong diangkat sebagai produk warisan teater tradisional Kedah.

Pengarah PBS, Huzaidy Hussain berkata, pementasan Mek Mulong telah berjaya membuktikan bahawa identiti kemelayuan masih utuh di dalam diri pelajar walaupun perubahan era yang serba canggih ini menjadi cabaran.

“Masa depan seni tradisi tempatan seharusnya kita jaga demi kelestariannya supaya nilai kemanusiaan yang murni di dalam masyarakat Melayu terus terpelihara.

“Kelangsungan kesenian Mek Mulong ini juga secara tidak langsung membuktikan budaya Melayu itu sebenarnya penuh adab dan sopan serta mementingkan hubungan baik antara individu,” katanya.

Beliau berkata, persembahan teater itu juga adalah satu platform menggilap bakat pelajar supaya dapat membentuk menjadi pelajar holistik yang menekankan pembangunan pelajar secara seimbang.

Menurutnya, program seperti ini amat penting kerana universiti mahu pelajar sentiasa aktif dengan ilmu-ilmu dan pengalaman baharu serta menunjukkan kemahiran insaniah secara menyeluruh.

Sementara itu, pelakon teater, Raja Nurul Farhana Raja Muhammad Putra yang memegang watak Puteri Nang Mara mengakui gembira kerana diberi peluang oleh pihak produksi untuk memegang watak penting dalam pementasan berkenaan.

“Walaupun tidak asing lagi dengan pementasan teater, namun perasaan gementar tetap ada untuk menjayakan pementasan ini kerana saya dan pelakon lain bukan sahaja perlu membawakan watak dengan baik tetapi penjiwaan karakter berkisar kehidupan di istana Kedah juga perlu dibawa secara berhati-hati demi memelihara kesenian Mek Mulong ini.

“Bagaimanapun, semuanya berjalan lancar hasil kerjasama dan komitmen semua yang terlibat dalam menjayakan peranan masing-masing,” katanya.

Hadir sama menyaksikan pementasan teater tersebut ialah Pengarah JKKN Kedah, Mohd Rizal Ismail.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.